

10 Februari 2018

Banteras artis lalok habis-habisan

Seremban

Banteras artis lalok habis-habisan

Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN) akan bekerjasama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk mengadakan operasi di set penggambaran bagi membanteras aktiviti penyalahgunaan dadah dalam kalangan artis.

Setiausaha Agung SENIMAN Mohd Hafiz Mohd Nafiah berkata, gejala penagihan dadah dalam kalangan artis dianggap sudah sampai ke tahap kemuncak, justeru langkah drastik perlu diambil bagi membersihkan imej golongan anak seni.

"Kami tidak mahu orang ramai terus memandang serong terhadap golongan artis termasuk pelakon disebabkan ada antara mereka terbabit dalam

aktiviti haram itu.

"SENIMAN akan mengambil langkah proaktif untuk membanteras aktiviti penyalahgunaan dalam kalangan artis habis-habisan.

"Kami akan bekerjasama dengan AADK, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dan beberapa persatuan lain untuk menjalankan operasi di set penggambaran. Ia bukan untuk memalukan, tetapi menyelamatkan mereka," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Beliau berkata, pihaknya mengadakan kunjungan hormat terhadap Ketua Pengarah AADK Datuk Dr Abdul Halim di Kajang, Selangor, kelmarin untuk berbincang lanjut mengenai kerjasama berkenaan.